



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PENGURUSAN)
KEMENTERIAN PELAJARAN
ARAS 6, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Telefon : +603-8884 6152
Faks : +603-8889 5040
Laman-Web: <http://www.moe.gov.my>

Rujukan Kami : KP.S(NP)BS.0063/4/6/
Jld.8/(1 &)
Tarikh : 6 Julai 2010

Puan Loke Yim Pheng,
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan
Kebangsaan Malaysia,
13 & 15, Jalan Murai Dua,
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh,
51100 KUALA LUMPUR.

Puan,

**Rayuan Menghakikikan Jawatan DGA32 (KUP) Ke DGA32 Hakiki
Di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN)**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah merujuk kepada surat puan bil. (28)d/m.KPPK(IP)PP9/(08-11)/(3) bertarikh 2 Jun 2010 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bersetuju berhubung dengan pelaksanaan pengisian Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang dinaikkan pangkat ke gred DGA32 secara *Time-Based* Khas Untuk Penyandang (KUP) ke jawatan-jawatan hakiki gred DGA32 di sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) / Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan di Bahagian-Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia mulai tahun 2010.

3. Sehubungan itu, sekiranya pegawai-pegawai di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, mereka boleh ditempatkan di jawatan hakiki gred DGA32 seperti berikut :-

- a) 80% daripada kekosongan jawatan gred DGA32 diisi oleh calon-calon gred DGA32 *Time-Based* secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi memberi keutamaan kepada pegawai-pegawai yang lebih kanan. Calon-calon yang dipilih pertulah disusun berdasarkan kepada merit yang diambil kira daripada LNPT dan penilaian yang dilaksanakan di peringkat JPN / Bahagian; dan
- b) 20% daripada kekosongan jawatan gred DGA32 diisi oleh calon-calon yang diluluskan pemangkuan dari gred DGA29 ke gred DGA32 oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP). Permohonan diperakukan oleh JPN / Bahagian kepada Kementerian berdasarkan iklan yang dikemukakan oleh Kementerian pada setiap tahun.

4. Surat pemakluman tentang perkara ini akan diedarkan kepada semua Pengarah JPN / Bahagian untuk diambil tindakan sebaik sahaja surat ditandatangani oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' KPPM.

5. Di atas segala kerjasama puan berikan dalam hal ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.



(Dr. ROSLI BIN MOHAMED)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia.